

GOOGLE CLASSROOM



Seiring dengan perkembangan teknologi kini, pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik kuliah turut mengalami perubahan. Akademi Pengajian Bahasa, Kampus Kuala Pilah telah mengadakan talking circle berkenaan Google Classroom kepada semua pensyarah APB. Sesi perkongsian ini telah disampaikan oleh Puan Tuan Sarifah Aini Syed Ahmad, Pensyarah Kanan APB pada 11 September 2019.

Bengkel ini memberi penekanan terhadap latar belakang Google Classroom meliputi komponen-komponen yang digunakan ketika sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Para pensyarah turut diberi peluang untuk membina Google Classroom masing-masing bagi memudahkan para pensyarah mempelajari setiap komponen secara amali. Bengkel ini memberi manfaat kepada pensyarah ketika menjalankan aktiviti Blended Learning semasa sesi kuliah dijalankan.

